



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

PEMBUKAAN SEMULA MASJID, SURAU DAN BALAI IBADAT SELURUH NEGARA PADA TAHAP KEEMPAT, LANGKAH PENGURANGAN KAWALAN

Rabu, 30 Zulkaedah 1441 / 22 Julai 2020 –

1. Alhamdulillah, marilah kita merafa'kan puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmatNya kita dapat menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat dan Sembahyang Fardhu Lima Waktu di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara pada tahap ketiga dengan mengadakan sebahagian aktiviti-aktiviti takmir bermula pada Hari Isnin, 14 Zulkaedah 1441 bersamaan 06 Julai 2020.
2. Dalam hubungan ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama ingin mengucapkan terima kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama padu pelbagai pihak iaitu Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, persatuan-persatuan, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, belia dan sukarelawan serta orang ramai khasnya jemaah masjid di negara ini. Semoga semangat kerjasama dan perpaduan kita senegara dalam suasana menghadapi cabaran wabak COVID-19 sejauh ini akan mengukuhkan lagi ketahanan hidup bermasyarakat, berbangsa dan bernegara serta meningkatkan tahap keimanan dan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala.
3. Sekarang kita berada dalam tahap ketiga dan dalam tahap ketiga ini kita akan menyambut Hari Raya Aidiladha pada 10 Zulhijjah 1441 bersamaan 01 Ogos 2020. Sehubungan dengan itu, Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha akan diadakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara. Jemaah yang akan menghadiri sembahyang itu nanti, hendaklah membuat tempahan slot di dalam Aplikasi BruHealth serta mematuhi arahan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.
4. Insya Allah, sebagaimana yang telah dirancangkan, aktiviti-aktiviti masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara akan beralih kepada tahap keempat daripada langkah-langkah pengurangan kawalan yang akan bermula pada **waktu Suboh hari Isnin, 12 Zulhijjah 1441 bersamaan 03 Ogos 2020.**

M.S: 1 - 3



5. Dimaklumkan bahawa bagi tahap keempat ini, Masjid, Surau dan Balai Ibadat seluruh negara adalah dibolehkan untuk melaksanakan program dan acara lain di samping aktiviti-aktiviti yang sudah berjalan pada masa ini seperti Membaca Surah Yaasin, Tahlil, Ratib al-Attas, tazkirah / kuliah, tadarus al-Quran, bacaan surah-surah pilihan dan kelas-kelas ugama. Pelaksanaan aktiviti-aktiviti takmir ini dibolehkan dengan keramaian jemaah tidak melebihi 100 orang dalam tempoh masa 2 jam.
6. Seterusnya bagi Sembahyang Fardhu Jumaat, kapasiti ruang bagi jemaah adalah seperti biasa dengan pengurangan penjarakan, dan tempahan slot Sembahyang Fardhu Jumaat di semua masjid tidak lagi diperlukan. Namun demikian pemakaian sungkup muka yakni *face mask* adalah masih dikehendaki. Dan pada tahap keempat ini, kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke atas adalah dibenarkan untuk menuaikan Sembahyang Fardhu Jumaat.
7. Pada tahap keempat ini juga, kelas al-Quran dan Muqaddam pada setiap hari Jumaat adalah dibenarkan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan mengambil kira nasihat dan saranan Kementerian Kesihatan.
8. Akhirnya, Marilah kita mengucapkan Alhamdulillah wasysyukru Lillah, dengan izin dan kurnia rahmatNya, serta dengan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, usaha-usaha pencegahan secara bersepdu serta usaha-usaha secara kerohanian dan amal-amal kebajikan demi kesejahteraan rakyat telah dapat mengawal penularan wabak COVID-19. Oleh itu, marilah kita terus berusaha secara bersepdu dan beramal dengan doa, zikir dan amalan-amalan yang berkebajikan seperti mengamalkan pembacaan surah-surah pilihan khasnya Surah Yaasin bagi mengekalkan kesejahteraan ini. Seruan ini bertepatan dengan Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala dalam Surah al-Baqarah, ayat 186:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ مَا أُحِبُّ دَعْوَةُ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ
فَلَيْسَتِ حِبْوًا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْسُدُونَ



Mafhumnya: "Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu (wahai Nabi Muhammad) mengenai Aku maka (katakan kepada mereka): "Sesungguhnya Aku sentiasa hampir (kepada mereka). Aku memperkenankan permohonan orang-orang yang berdoa apabila dia berdoa kepadaKu. Maka hendaklah mereka itu menyahut seruanKu (dengan mematuhi perintahKu) dan hendaklah mereka beriman kepadaKu supaya mereka sentiasa berada dalam kebenaran."

Dan dalam Surah al Ghafir, Ayat 60 :

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَحِبْ لَكُمْ هَذِهِ الْأُذْنِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي
سَيَدُ الْخُلُقِينَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ

Mafhumnya : "Dan Tuhan kamu berfirman: 'Berdoalah kepadaKu nescaya Aku memperkenankan do'a kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadat kepadaKu akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina'".

-TAMAT-

Rujukan: KHEU/BPA/PR/Julai/2020

Tarikh: 30 Zulkaedah 1441 bersamaan 22 Julai 2020

M.S: 3 - 3